

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

**TARIKH JAWAPAN : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kandungan Sodium Klorida yang diambil dari loji-loji rawatan air di sepanjang Sungai Muar dengan pecahan lokasi sampel diambil, tarikh sampel dari 1hb sehingga 31hb Mac 2014. Nyatakan kaedah-kaedah dan alat-alat yang digunakan dan kadar kekerapan ujian air berkenaan yang dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sungai Muar menghadapi masalah kemasukan air masin (*saline intrusion*) dengan izin, bermula pada bulan Mac 2014. Kejadian ini telah menjejaskan kualiti air mentah yang disalurkan ke Loji Rawatan Air Panchor 1,2,3 dan 4 serta Loji Rawatan Air Gerisik yang membekalkan air terawat ke sebahagian besar Daerah Muar. Berdasarkan pemantauan oleh operator loji rawatan air, kandungan sodium klorida dalam sumber air mentah di muka sauk loji telah dikesan mengalami peningkatan.
2. Berikutan kejadian tersebut, analisis terhadap sampel air yang diambil bagi mengesan kandungan klorida telah dilakukan dengan lebih kerap iaitu setiap 2 jam bermula dari 14 Mac 2014 hingga 23 Mac 2014 berbanding dengan hanya sekali setiap bulan seperti yang diamalkan sebelum ini. Analisis kandungan sodium pula dilakukan secara harian mulai 17 Mac 2014 hingga 21 Mac 2014 berbanding setiap 3 bulan berdasarkan kepada Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Edisi 2004).

3. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis kandungan klorida ialah kaedah Direct Air-Acetylene Flame dengan menggunakan Atomic Absorption Spectrometer (AAS) Perkin Elmer model AA100. Bagi menganalisis kandungan sodium pula, kaedah Potentiometric dengan menggunakan peralatan Digital Autotitrator Metrohm telah digunakan. Berdasarkan kepada analisis tersebut, kandungan klorida di Sungai Muar dari 14 hingga 23 Mac 2014 adalah 11.26mg/L hingga 1464.50mg/L, manakala kandungan sodium dari 17 hingga 21 Mac 2014 adalah 11.71 mg/L hingga 180.8 mg/L.
